

BAB DUA:
KONSEP KETAMADUNAN

BAB DUA

KONSEP KETAMADUNAN

2.1 Tamadun dari perspektif umum

Istilah peradaban atau tamadun merupakan suatu istilah yang masih mencari definisi yang tepat. Ia begitu banyak dibincangkan oleh ahli fikir dari pelbagai aspek ilmu. Untuk memahami konsep tamadun secara keseluruhan diperlukan pandangan umum yang dibuat secara perbandingan antara pemikir Barat dan Timur.

Daripada catatan Kamus Dewan, Tamadun adalah merujuk kepada: ¹

1. Keadaan masyarakat manusia yang dicirikan atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi peradabannya.
2. Negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi.
3. Budaya atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan satu zaman) tertentu.
4. Keadaan pemikiran (budaya dan moral) yang halus.

Manakala masyarakat yang bertamadun pula adalah;

1. Telah mencapai tamadun, berperadaban
2. Mempunyai pemikiran (budaya dan moral) yang halus, berperadaban, beradab.²

Ditinjau dari aspek bahasa, perkataan tamadun berasal dari kata dasar bahasa Arab, 'Tamaddana' atau 'Madana' yang bererti pemilihan suatu lokasi sebagai tempat tinggal. Manakala Kamus Munjid pula menjelaskan istilah Tamadun adalah terbitan dari lafaz 'Tamaddana' iaitu fenomena daripada perubahan cara kehidupan daripada corak liar atau nomad kepada kehidupan lebih maju.³

Manakala makna 'civilization' dari Logman of Contemporary English' (terjemahan) mengatakan:⁴

1. Taraf kemajuan dan pembangunan kemanusiaan yang tinggi yang dicirikan oleh tahap pencapaian yang tinggi dalam kesenian, agama, sains dan organisasi sosial dan politik.
2. Masyarakat beradab atau bertamadun dalam suatu zaman atau kawasan tertentu.
3. Kehidupan di suatu tempat yang menikmati segala kemudahan dunia moden.
4. Proses memperadabkan atau mencapai tamadun atau proses diperadabkan.

Dari definisi di atas, dapatlah dibuat satu kesimpulan umum bahawa terdapat tiga idea utama dalam konsep tamadun iaitu:

1. Kehidupan manusia yang telah mencapai taraf kemajuan kemanusiaan yang tinggi. Kemajuan kemanusiaan yang dimaksudkan di sini meliputi kemajuan dan kehalusan pemikiran dalam pelbagai bidang seperti agama, sains, kesenian, kemajuan kebendaan dan tahap pencapaian dalam organisasi sosial politik.

2. Bangsa atau umat yang telah mencapai taraf kemajuan yang dimaksudkan dalam (1) dalam suatu zaman atau di suatu tempat tertentu serta cara hidup atau budayanya.
3. Proses bangsa atau umat yang telah mencapai taraf kemajuan kemanusiaan yang tinggi memperadabkan dirinya atau diperadabkan.

2.1.1 Pandangan Sarjana-sarjana Islam

Beberapa terminologi telah digunakan oleh sarjana-sarjana Islam yang menunjukkan maksud tamadun. Antaranya ialah *Al-Madaniyyah*, *Al-Umran*, *Al-Hadarah*, dan *Al-Tamaddun*. Terminologi-terminologi tersebut telah diperkenalkan oleh sarjana-sarjana Islam yang terkenal seperti berikut :

- 1) Abu Nasir Al-Farabi merupakan sarjana Islam paling awal membincangkan soal tamadun dan beliau telah memperkenalkan istilah *Al-Madaniyyah* dalam abad ke 11 dalam kitabnya "*Al-Siyasah Al-Madaniyyah*". Terminologi ini diambil daripada akar kata '*Madinah*' iaitu negara Islam pertama yang diasaskan oleh Rasulullah (s.a.w.). *Madaniyyah* digambarkan oleh Al-Farabi sebagai pencapaian umat Islam di kota, yang berasaskan kepada wahyu iaitu *Aqidah*, *Shariah* dan *Akhlaq*.⁵
- 2) Muhammad Farid Wadji di dalam bukunya "*Al-Madaniyyah Wa Al-Islam*" dan Syaikh Muhammad Abduh di dalam bukunya "*Al-Islam Wa Al-Nas Wa Al-Ilm Wa Al-Madaniyyah*" juga menggunakan istilah *Al-Madaniyyah* yang merujuk

kepada masyarakat berdasarkan bandar, dan bandar itu merupakan asas serta tempat perkembangan sesuatu tamadun.⁶

3) ‘Abd Al-Rahman Abu Zayd Ibn Khaldun, sarjana yang ulung abad ke 14 di dalam kitabnya “*Al-Muqaddimah Li Kitab Al-Ibar*” memperkenalkan dua terminologi iaitu Al-Umran dan Al-Hadarah.

Pertama; ***Al-Umran*** yang berasal dari perkataan ‘*imr* yang bermaksud bangunan dan perkataan ‘*umr* yang bermaksud memanjangkan umur iaitu menggambarkan manusia mengembangkan hidup. Ibn Khaldun memperincikan cakupan Al-Umran dalam enam bahagian pokok iaitu :⁷

1. Tentang tamadun manusia pada umumnya , jenisnya yang bermacam-macam.
2. Tentang tamadun padang pasir, termasuk laporan tentang suku-suku dan bangsa-bangsa primitif dan liar.
3. Tentang dinasti-dinasti kekhilafahan dan kekuasaan bangsawan, termasuk perbincangan mengenai hierarki pemerintahan.
4. Tentang tamadun penduduk menetap, negeri-negeri dan kota-kota
5. Tentang keahlian , cara-cara melangsungkan kehidupan , posisi-posisi yang menguntungkan dan berbagai aspek mengenainya.
6. Tentang berbagai ilmu pengetahuan, cara mencapainya dan kajian tentang ilmu-ilmu itu.

Kedua; *Al-Hadarah* yang berasal daripada perkataan *hudur* bermaksud yang hadir dan Ibnu Khaldun merujuknya kepada '*masyarakat hadari*' iaitu masyarakat yang tinggal menetap di kota dan bertentangan dengan '*masyarakat badwi*' iaitu masyarakat yang tinggal di padang pasir serta sentiasa berpindah-randah. Jadi, *hadarah* bermaksud sebuah masyarakat yang menetap di bandar berlandaskan suatu sistem politik, agama dan sosio-politik yang mantap. Masyarakat tersebut moden dan maju dalam bidang-bidang pemikiran, pendidikan, perekonomian, perdagangan, pembuatan, pertanian, pentadbiran serta menghormati peraturan dan berkomunikasi berdasarkan tata susila yang tinggi.⁸

4) Jurji Zaidan memperkenalkan terminologi *Al-Tamaddun* pada abad ke 19 di dalam kitabnya "*Tarikh Al-Tamaddun Al-Islami*", (1906). Istilah ini berasal daripada perkataan *Din/Dinun* dan *Dain/Dainun*. *Din/Dinun* bermaksud penyerahan serta kepatuhan kepada Allah (s.w.t.). Manakala *Dain/Dainun* bermaksud hutang iaitu manusia dalam keadaan berhutang kepada Allah (s.w.t.). Menurut Jurji Zaidan *tamaddun* merujuk kepada pencapaian umat Islam yang berpusat di kota dalam bidang kerohanian dan kebendaan yang berasaskan agama.⁹

5) Profesor Doktor Syed Muhammad Naquib Al-Attas di dalam bukunya "*Islam : Faham Agama dan Akhlak*", (1977), turut menggunakan istilah *tamadun* dan mengaitkan istilah *tamadun* itu dengan perkataan *Din* yang akhirnya melahirkan perkataan *tamadun*. *Tamadun* itu merujuk kepada keadaan kehalusan insan yang

telah mencapai taraf kehalusan tata susila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.¹⁰

- 6) Ismail Al-Faruqi mendefinisikan tamadun sebagai pencapaian kesempurnaan syarat-syarat sebagai sebuah organisasi sosial yang maju, bersesuaian dengan sebuah bandar berbanding dengan penduduk desa. Ini termasuk keupayaan penduduknya untuk hidup menjalankan tanggung-jawab harian, perniagaan, memutuskan pertikaian dengan undang-undang, mempertahankan keselamatan bersama apabila terancam, menggunakan bahasa bertulis untuk menyimpan khazanah serta mengembangkan ilmu, sains, seni, teknologi yang pada umumnya sentiasa memperbaiki kehidupan mereka.
- 7) Muhammad Abdul Jabbar Beg menyimpulkan bahawa maksud tamadun sebagai suatu rangkaian terdiri daripada fenomena masyarakat manusia seperti bandar, huruf, senibina, agama, undang-undang dan rangka dasar politik.¹¹

2.1.2 Pandangan sarjana-sarjana Barat

Kebanyakan sarjana Barat menggunakan istilah "*Civilization*" untuk menerangkan tamadun. Namun antara mereka ada yang menggunakan istilah lain seperti "*Renaissance*" dan "*Urbanization*". Antara sarjana-sarjana Barat yang membincangkan soal tamadun adalah seperti berikut :

- 1) Darcy Riberio menggunakan istilah "*civilization*" dalam bukunya "*The Civilized Society*" dan mentakrifkan tamadun sebagai puncak pencapaian sesuatu masyarakat dalam proses kemajuan. Seterusnya dalam bukunya "*The Civilization Process*" beliau menekankan beberapa proses dalam menuju tamadun atau peradaban , proses yang paling penting ialah revolusi bandar kerana bandar-bandar memancarkan kepada manusia peluang-peluang untuk kemajuan material dan spiritual mereka.¹²

- 2) Clive Bell dalam bukunya "*Civilization and Old Finds*" menjelaskan bahawa tamadun merupakan satu kriteria atau ciri masyarakat yang membezakan sesebuah masyarakat maju dengan masyarakat mundur.¹³

- 3) Redfield dalam bukunya "*Introduction to the Civilization of India : Changing Dimensions of Indian Society and Culture*" menjelaskan bahawa tamadun merupakan beberapa puncak pencapaian manusia sama seperti puncak-puncak gunung di permukaan bumi ini.

- 4) Karl Wittfogel di dalam bukunya "*Approaches to Asian Civilization*" mendefinisikan tamadun sebagai ciri kebudayaan secara keseluruhan daripada sesuatu negara.¹⁴

- 5) Arnold Toynbee di dalam bukunya "*A Study of History*" menjelaskan bahawa tamadun ialah sejenis kebudayaan yang berkembang di kota serta merupakan satu

kumpulan pemikiran daripada pelbagai manifestasi, orientasi yang berterusan, satu gaya kebudayaan yang bertanggung-jawab membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral.¹⁵

- 6) Will Deorant di dalam bukunya "*History of Civilization*" mendefinisikan tamadun sebagai sistem sosial yang menolong manusia dalam mempertingkatkan kedudukan kebudayaan dan sesuatu kemajuan atau ciptaan baru yang dilahirkan oleh sesuatu masyarakat untuk menjadikan hidup mereka lebih tenteram dan selesa.¹⁶
- 7) A.S. Honby dan E.C. Parnwell di dalam bukunya "*Progressive English Dictionary*" menjelaskan bahawa tamadun membawa maksud meningkatkan pencapaian hidup manusia daripada kemunduran kepada kemajuan dalam bidang ilmu, pemikiran, sains, teknologi, politik, moral dan sebagainya.¹⁷
- 8) Adam Metz telah menggunakan istilah "*renaissance*" bagi menggambarkan tamadun. Di dalam bukunya "*The Renaissance of Islam*" beliau merujuk *renaissance* atau tamadun kepada pencapaian-pencapaian orang Islam dalam bidang intelektual, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.
- 9) Franz Rosental pula telah menggunakan istilah "*urbanization*" dalam menterjemahkan perkataan *umran* yang digunakan oleh Ibnu Khaldun. Franz Rosental merujuk *urbanization* kepada proses urbanisasi dan organisasi sosial

sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun di dalam bukunya “*Al-Muqaddimah Li Kitab Al-Ibar*”.¹⁸

2.2 Hubungan tamadun dengan agama

Tamadun dan agama merupakan dua perkara yang amat berkait rapat. Oleh itu, ramai sarjana Islam dan Barat cuba menjelaskan hubungan antara keduanya.

2.2.1 Pandangan sarjana-sarjana Islam

Menurut sarjana-sarjana Islam, telah jelas bahawa tamadun tidak mungkin lahir melainkan wahyu. Peradaban atau tamadun tanpa agama khususnya agama Islam adalah tidak bertamadun. Ini adalah kerana semua bidang ilmu adalah berasaskan wahyu. Apabila bercakap mengenai tamadun, atau dalam definisi-definisi yang berbeza iaitu *Al-Madaniyyah*, *Al-Umran*, *Al-Hadarah* dan *Al-Tamadun*, kita dapati bahawa kebanyakannya lebih menjurus kepada masyarakat kota dengan pencapaian-pencapaian yang tinggi dalam bidang-bidang seperti politik, ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, secara umumnya setiap definisi yang diberikan oleh sarjana-sarjana Islam tidak dapat lari daripada tiga perkara berikut iaitu *Aqidah*, *Shariah* dan *Akhlaq*.

Dalam mendefinisikan tamadun, Ibnu Khaldun menggunakan istilah *Umran* yang mengkonotasikan organisasi sosial. Istilah ini amat berkait-rapat dengan perbandaran. Menurut Ibnu Khaldun bandar merupakan perkara penting dalam tamadun kerana bandar

akan melahirkan negara dan empayar yang kuat serta tamadun yang tinggi. Menurut beliau lagi, kemajuan yang dicapai oleh umat Islam, tercapai apabila umat Islam mencapai ketinggian penyusunan birokrasi, ketenteraan, ekonomi, kesenian, keintelektualan dan perkembangan saintifik yang ditentukan oleh ajaran Islam iaitu berlandaskan *Aqidah, Shariah dan Akhlaq*. Ibnu Khaldun juga menegaskan bahawa kelemahan sesebuah tamadun adalah disebabkan oleh kemerosotan *akhlaq* masyarakat tersebut seperti berlakunya kezaliman dan penindasan terhadap rakyat oleh pihak yang berkuasa.¹⁹

Sayyid Qutb pula dalam membincangkan tamadun amat jelas mengaitkannya dengan agama. Beliau membahagikan masyarakat manusia kepada dua golongan iaitu; Masyarakat Islam / Al-Mujtama' Al-Islami dan masyarakat bukan Islam / Al-Mujtama' Al-Jahili. Menurut Sayyed Qutb, prinsip dan nilai membezakan antara satu tamadun dengan tamadun yang lain. Prinsip dan nilai utama dalam tamadun Islam ialah penyembahan kepada Allah s.w.t. yang Maha Esa.²⁰

Menurut Syaikh Muhammad Abduh pula asas tamadun adalah berpusat kepada para rasul, nabi dan petunjuk agama. Ini adalah kerana kemajuan kerohanian akan membawa kepada kemajuan kebendaan.²¹

Menurut Muhammad Asad, tamadun Islam dibangunkan daripada asas *Sharia'h* dan beliau berpendapat bahawa istilah tamadun Islam mengelirukan sekiranya dijadikan sebagai merujuk kepada pelbagai ungkapan berhubung pencapaian umat Islam sepanjang

zaman. Menurutny lagi, reka bentuk luaran peradaban atau tamadun pula dimanifestasikan dalam binaan dan adat resam yang menjelaskan reka bentuk dalaman seperti hubungan antara sembahyang waktu dengan seni bina masjid.²²

Mohammad Khatami di dalam bukunya "*Membangun Dialog Antarperadaban*" memberi pandangan tentang agama bahawa ianya bukanlah sebagai unsur yang memaksa dari dalam, tapi sebagai unsur yang berasal dari luar dirinya. Ini adalah kerana, yang mencipta tamadun adalah usaha dan visi manusia, sedangkan agama berada di luar dan di atas visi manusia dan masyarakat, serta dengannya berlakulah keunggulan dalam tamadun. Agama membimbing bakat manusia mencapai puncak ketinggian, menanamkan tanggung-jawab yang berbeza dalam situasi sejarah yang berbeza. Agama memiliki dinamisme tertentu sehingga mampu memberikan jawapan bagi pertanyaan pada sebarang zaman. Oleh kerana itu, ketika kebudayaan tua Islam telah lenyap, agama tetap menjadi akar yang kuat serta dapat melahirkan tamadun baru, walaupun interpretasi terhadap agama yang telah melahirkan tamadun masa lalu tersebut telah layu.²³

2.2.2 Pandangan sarjana-sarjana Barat

Sarjana-sarjana Barat berbeza pendapat mengenai hubungan tamadun dengan agama. Sebahagian daripada mereka mengenyakan soal agama dalam pembinaan tamadun manakala sebahagian daripada mereka menghubungkan-kaitkan agama dengan peradaban atau tamadun.

Arnold Toynbee telah menghubungkan antara tamadun dengan agama. Beliau menegaskan bahawa dalam proses evolusi sesebuah tamadun itu, ia melahirkan sebuah negara sejagat dan satu bentuk agama yang tinggi.²⁴

Menurut Thomas Berry pula, Tamadun Timur (*Oriental Civilization*) tidak akan dapat difahami melainkan setelah difahami agama mereka seperti Tamadun Islam, Tamadun China, Tamadun India dan sebagainya.²⁵

Edward Sullivan telah menegaskan bahawa peranan Islam dalam menegakkan Tamadun Islam tidak dapat dinafikan atau dipisahkan. Tamadun Islam itu adalah produk atau hasil daripada agama Islam itu sendiri.²⁶

J.Jomier pula telah menegaskan bahawa Islam telah menyediakan unsur-unsur kreatif dan darinya timbullah satu tamadun baru.²⁷

Kesimpulannya, tamadun menurut perspektif Islam tertegak di atas manhaj Ilahi yang terdapat di dalam al-Quran, iaitu kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada umat manusia seluruhnya. Maka, dengan pelbagai nilai, prinsip, dasar, kaedah dan hukum-hukum yang terbaik untuk manusia tersebut, lahirlah masyarakat yang bertamadun tinggi.

Barat pula sebahagiannya tidak menafikan bahawa wujudnya fenomena agama dalam ketinggian tamadun Timur seperti tamadun Islam, China dan India, tetapi apa yang

menjadi tema asas kepada tamadun Barat ialah pemberontakannya terhadap nilai-nilai kerohanian. Maka, jadilah tamadun Barat sepi dan terpisah daripada agama mereka.

2.3 Definisi tamadun menurut Ali Shariati

Menurut Ali Shariati, satu definisi umum tamadun dan kebudayaan ialah keseluruhan himpunan material dan rohani umat manusia. Definisi lain pula dikatakan kebudayaan dan tamadun adalah seluruh kekayaan material dan rohaniah sesuatu bangsa atau masyarakat tertentu. Dua definisi ini mencakup dua jenis kebudayaan dan tamadun iaitu universal dan etnik.²⁸

2.3.1 Tamadun Universal

Bila kita berusaha mentafsirkan kebudayaan dan tamadun dari pandangan universal, kebudayaan dan tamadun itu terdiri daripada kekayaan-kekayaan dan penciptaan-penciptaan yang dihimpun oleh berbagai generasi masyarakat. Ianya memanfaatkan seluruh umat manusia bukan hanya kepada bangsa atau masyarakat tertentu sahaja, berkembang dari keadaan nomad ke zaman baru, mengubah manusia dari tamadun rendah ke tamadun tinggi. Menurut tafsiran seperti ini, kebudayaan dan tamadun Barat, Timur, India, Cina serta Romawi tidak bererti. Ini adalah kerana semuanya merupakan satu tamadun dan kebudayaan yang secara terus-menerus dikembangkan dalam pelbagai zaman, merupakan suatu realiti tunggal dalam sejarah, yang beralih dari tangan berbagai bangsa, berpindah-pindah melampaui batasan-batasan geografi.

Untuk setiap kurun waktu, semangat pembentukan tamadun dicetuskan oleh suatu bangsa yang kemudian menjadi pelopor dalam kurun tersebut iaitu pembawa panji kemuliaan zaman itu. Bangsa itu akhirnya menjadi lemah, mati dan menyerahkan panji tamadun kepada suatu bangsa yang lebih muda.²⁹

2.3.2 Tamadun Etnik

Berbeza dengan tamadun universal, tamadun etnik terdiri daripada keseluruhan produk dan kekayaan yang khas untuk setiap bangsa atau ras. Dalam hal ini, kebudayaan dan tamadun mengandungi ciri-ciri tertentu yang membezakan satu bangsa dengan bangsa yang lain. Inilah yang menyebabkan kita dapat membezakan tamadun India dari tamadun Parsi, Romawi, Yunani dan sebagainya.³⁰

Shariati menjelaskan salah satu fenomena tamadun ialah teknologi dan fenomena ini bersifat universal. Tiada perbezaan antara roda putar Iran dengan roda putar yang digunakan dalam industri tekstil di Eropah. Kedua-duanya dikembangkan selama berabad-abad sehingga mencapai bentuk yang moden dan kedua-duanya tidak mempunyai ciri-ciri khas Iran atau Eropah. Tetapi, di pihak lain, Iran dan Eropah terdiri dari kewujudan dan ciri-ciri bangsa tertentu yang membezakannya dari bangsa-bangsa yang lain. Oleh itu, Ali Shariati berpendapat bahawa kebudayaan adalah aspek etnik dari tamadun, manakala tamadun adalah aspek umum dari kebudayaan.

Orang-orang Barat mendakwa bahawa kebudayaan adalah fenomena khas yang hanya mampu dihasilkan oleh bangsa-bangsa unggul. Dan bangsa yang mampu menghasilkan kebudayaan mestilah mempunyai perkembangan sistem saraf, otak dan intelek yang istimewa. Oleh itu, hanya ada sedikit bangsa terpilih yang memenuhi syarat untuk melahirkan kebudayaan dan mempersembhkannya kepada bangsa-bangsa lain yang tidak mempunyai kemampuan menciptanya. Bagi Shariati, ini hanya bertujuan membaratkan kebudayaan-kebudayaan etnik yang lain.³¹

2.3.3 Ciri-ciri Tamadun dan Kebudayaan

Segala sesuatu yang telah dihimpunkan sebagai kebudayaan Iran iaitu prinsip-prinsip Islam, kisah, mitos, seni, filsafat, orientasi dan teosofi Islamlah yang telah membentuk kebudayaan Iran. Semua ini tidak diwujudkan oleh suatu peribadi, satu kelompok, suatu generasi, atau pun suatu kurun waktu. Oleh itu, kebudayaan Islam bukan sahaja sesuai dengan satu zaman, satu bangsa mahupun ciri-ciri satu bangsa, tetapi telah berakar kuat dalam sejarah.

Tamadun dan kebudayaan mungkin wujud dalam suatu fenomena tunggal. Misalnya, Masjid Syekh Lotfollah³² yang mengandungi aspek kebudayaan mahupun aspek tamadun. Teknologi yang digunakan dalam mendirikan masjid tersebut adalah berbentuk tamadun, sedangkan cita rasa serta kepekaan seni yang halus dalam perhiasan dan lukisannya adalah berbentuk kebudayaan.

Timbul pula persoalan apa yang membentuk tamadun. Ada yang mendakwa sastera yang membentuk manusia, mengembangkan pemikiran, kepekaan dan perasaan. Ada yang mendakwa ilmu kedokteran yang membentuk tamadun kerana orang sakit tidak akan dapat mengembangkan tamadun. Ada pula yang mendakwa teknologi yang membangunkan tamadun. Shariati menjelaskan bukan ilmu kedokteran, sastera ataupun teknologi yang membangunkan tamadun sebaliknya kesemua itu dibentuk oleh tamadun. Dan sejarah selalu memperlihatkan bahawa falsafah, teknologi, seni, teosofi, sastera dan sebagainya bukanlah pembentuk kebudayaan dan tamadun baru. Kebudayaan dan tamadun lebih merupakan tanaman yang tumbuh di atas suatu tanah yang subur iaitu masyarakat. Masyarakat dibentuk oleh ideologi iaitu kesedaran diri tertentu seseorang manusia yang membentuk masyarakat.³³

2.3.4. Persoalan di sebalik tamadun

Ali Shariati amat berminat merenung hasil usaha manusia yang pernah hidup di muka bumi, dengan itu beliau banyak membuat lawatan. Antara tempat-tempat yang dilawatinya ialah Yunan dan di situ beliau mengagumi kuil Delphi. Semasa di Rom, beliau melawat muzium seni, seni bina kuil dan istana agungnya. Di Asia Timur pula seperti China dan Vietnam, beliau mendapati gunung-gunung yang telah menjadi kuil untuk dewa dan wali mereka di muka bumi.

Manakala dalam lawatannya ke Afrika, beliau telah mengunjungi piramid-piramid yang termasyhur di Mesir. Di situ, dengan penerangan pemandu pelancong, beliau

mengetahui bahawa hamba abdi terpaksa mengangkat 800, 000, 000 ketul batu sejauh 980 batu dari Aswan ke Kahirah bagi menyiapkan 6 piramid besar dan tiga piramid kecil di mana mayat Firaun disemadikan. Daripada 30, 000 orang hamba abdi yang mengangkat keping batu yang berat itu, beratus-ratus pula antara mereka yang telah mati terhempap di bawah batu-batu berat itu. Oleh kerana mereka ini tidak penting langsung dalam sistem perhambaan, ratusan mereka dikuburkan beramai-ramai dalam satu parit. Berbeza dengan orang lain, Shariati ingin melihat hamba abdi yang dihempap menjadi abu, lalu pemandu pelancongnya menunjukkan kubur hamba abdi yang disemadikan berhampiran dengan piramid atas perintah Firaun dengan harapan roh mereka juga dapat dijadikan hamba kepada roh Firaun sebagaimana jasad mereka dahulu.³⁴

Setelah melihat piramid, Shariati merasa insaf kerana walaupun hebat, ianya amat asing kepada dirinya dan beliau merasa amat benci terhadap semua monumen agung dalam sejarah tamadun manusia yang dibina di atas timbunan tulang nenek-moyangnya. Lalu, beliau menganggap tamadun adalah sesuatu yang sial serta merasakan kebencian yang menyala-nyala ke atas penindasan terhadap nenek-moyangnya beribu-ribu tahun yang lalu.

2.4. Teori sejarah dan tamadun Ali Shariati

Di dalam salah satu syarahan Ali Shariati, beliau ada menyebut tentang teori sejarah dan tamadun manusia. Idea ini timbul setelah beliau membaca tulisan Tibor Mende³⁵ yang bertajuk "*A Glance at Tomorrow's History*". Menurutnya, pernyataan

“Tomorrow’s History” yang bermaksud “Sejarah Hari Esok atau Sejarah akan datang” adalah baru dan bersifat revolusioner. Ini adalah kerana sejarah kebiasaannya menceritakan sesuatu perkara yang telah berlaku. Oleh itu pernyataan seperti *“A Glance at Tomorrow’s History”* yang bermaksud “Sekilas pandang ke arah sejarah akan datang” menjadi jelas di mana dunia hari ini telah sedar terhadap fakta bahawa hari ini seseorang mesti menulis mengenai sejarah akan datang atau sekurang-kurangnya memikirkan tentang sejarah akan datang.

Bagi Ali Shariati kita mesti dan telah menerima idea ini dan melihat sejarah sebagai sains tulen. Sejarah hanya akan mempunyai nilai jika kita mampu mengetahui sejarah akan datang atau perkara yang belum lagi berlaku. Jika sejarah tidak boleh membantu kita untuk mengetahui apa yang akan berlaku atau sekurang-kurangnya mengenali generasi hari ini atau mengenali generasi yang akan lahir, maka sejarah itu sendiri tidak berguna kerana semua sains setidak-tidaknya harus memberi faedah atau membantu manusia itu sendiri, kehidupan manusia akan datang dan model manusia hari ini mahu pun akan datang. Oleh itu menurutnya, memahami manusia masa lampau merupakan titik permulaan kepada kita untuk memahami diri kita dan masa hadapan kita.³⁶

Beliau cuba melihat sejarah akan datang mengikut apa yang beliau percaya, tidak seperti apa yang Tibor Mende lakukan. Dengan menggunakan bentuk kon sebagai perumpamaan rangka pemikiran, pertimbangan dan penerimaan, beliau cuba mengulas tamadun manusia. Menurut beliau, setiap tamadun dan masyarakat mempunyai rangkaian

dan itulah yang dinamakan sejarah. Lalu, jika kita mengkaji dengan teliti rangkaian ini, maka kita boleh menjangka apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Menurut beliau lagi, bentuk kon mempunyai dua bahagian iaitu bahagian bawah dan bahagian atas di mana bahagian bawah lebih besar daripada bahagian atas. Golongan massa di dalam setiap masyarakat di setiap zaman terletak di bahagian bawah bentuk kon, manakala golongan intelektual pula terletak di bahagian atas bentuk kon dan mereka merupakan orang yang memimpin masyarakat.

Apa yang Ali Shariati nampak dari sudut bawah bentuk kon ialah semakin hari, bahagian bawah bentuk kon semakin mengecil. Ini bermakna, bilangan golongan intelektual telah bertambah dan akhirnya tidak ada pemisah antara golongan massa dan golongan intelektual. Namun, jika kita lihat bahagian atas bentuk kon pula, golongan intelektual semakin jauh ke atas hingga hampir sampai ke puncak kon di mana mereka menjadi seperti golongan intelektual dalam setiap zaman dan bertindak sebagai sumber pemikiran. Apa yang cuba diterangkan oleh Ali Shariati iaitu, di samping golongan massa di peringkat bawah bentuk kon dan golongan intelektual di peringkat atas kon, wujud sebilangan kecil individu yang mana pemikiran dan kepercayaan mereka berbeza dan bertentangan dengan golongan intelektual. Mereka tidak boleh dikategorikan dalam golongan massa kerana kebijaksanaan mereka, namun mereka juga tidak boleh dikategorikan dalam golongan intelektual kerana mereka membawa idea dan pemikiran baru di mana golongan intelektual tidak dapat menerimanya. Mereka menyampaikan idea baru seperti ledakan bom dan mereka tidak diberi kelas kerana bilangan mereka yang

terlalu kecil. Mereka menentang tradisi golongan intelektual dan mereka menentang metod ilmu pada zaman tersebut.³⁷

Ali Shariati cuba mengaplikasikan teori konnya kepada Zaman Pertengahan di Barat. Menurut beliau, golongan massa pada Zaman Pertengahan ialah orang Eropah yang pergi ke gereja dan melaksanakan perintah daripada paderi dan golongan intelektual Kristian di atas nama Bible atau Jesus atau Tuhan. Manakala golongan intelektual pula adalah paderi Kristian iaitu mereka yang belajar di sekolah yang bergabung dengan gereja dan matlamat mereka ialah mencari kebenaran. Tujuan mereka hanya untuk memimpin manusia mencapai matlamat agama. Jadi apabila model kon ini diaplikasikan ke dalam Zaman Pertengahan, Ali Shariati dapati kelas golongan intelektual terdiri daripada paderi. Di samping itu juga, wujud sebilangan golongan genius yang yang tidak termasuk dalam kelas yang menolak agama Kristian dan penyembahan Tuhan sebaliknya menggantikannya dengan pemujaan sains. Golongan agama atau paderi ini mengatakan seseorang mesti menerima apa yang disampaikan oleh paderi atau Bible. Manakala golongan genius ini mengatakan mereka hanya percaya akan apa yang boleh dibuktikan oleh sains. Mereka ini seperti Galileo, Isaac Newton, Francis Bacon, Roger Bacon dan lain-lain. Mereka ditentang keras oleh golongan agama dan dikenakan hukuman, walau bagaimanapun, mereka muncul sebagai golongan yang berada di puncak kon dan berjaya menguasai golongan massa akhirnya.³⁸ Golongan intelektual dalam model kon sekarang telah berubah hampir secara keseluruhan iaitu golongan genius yang memuja sains ini berada di peringkat atas kon. Namun golongan awam iaitu golongan yang berada di

peringkat bawah kon tidak banyak berubah. Hanya sebahagian daripada mereka sahaja yang berpendidikan dan mereka menyertai golongan intelektual.³⁹

Oleh itu, Ali Shariati berpendapat, untuk membuat jangkaan mengenai apa yang akan berlaku pada masa akan datang, kita perlu melihat kepada golongan genius pada zaman tersebut, yang kelihatan seperti orang asing di dalam masyarakat dan membawa idea baru yang bertentangan dengan idea golongan intelektual pada zamannya serta golongan massa. Namun, merekalah yang mencorakkan sejarah akan datang. Apa yang cuba ditekankan oleh Ali Shariati ialah dalam setiap era atau zaman, wujud golongan intelek baru yang menentang golongan intelektual pada zamannya dan dari sinilah perjuangan bermula. Walaupun golongan intelektual baru itu hanya sedikit bilangannya dan terlalu asing bagi masyarakatnya, namun sedikit demi sedikit idea mereka akan tersebar dan mengubah pemikiran masyarakat keseluruhannya.

Dengan menggunakan metod ini, Ali Shariati cuba melihat sejarah akan datang. Beliau cuba mengenali siapakah yang merupakan golongan genius atau bijak pandai pada zamannya. Antaranya ialah Guenon dari Perancis yang menulis buku yang bertajuk "*Crises of the Modern World*". Beliau adalah seorang yang hebat, terpelajar dan beliau menentang pemujaan sains. Selain dari Guenon, ramai lagi yang berbeza pandangan dengan golongan intelek sezamannya seperti Alexis Carrel yang pernah menulis buku bertajuk "*My meditation upon the pilgrimage to Lourdes*", Le Count de Louis yang menulis buku bertajuk "*The fate of mankind*". Antara ahli-ahli falsafah sains pula seperti Einstein, William James dan Basalard. Juga sekumpulan penulis "Dr. Zhivago" seperti

Max Plank, Georges Gurvitch, Patrick Donitz dan Pasternak. Mereka semua ini tidak termasuk dalam golongan intelektual pada zaman mereka kerana perbezaan ideologi. Walaupun mereka masing-masing membawa idea yang baru tetapi masih ada persamaan di mana mereka menentang pemujaan sains. Oleh itu, menurut Ali Shariati, satu ideologi akan muncul iaitu perasaan agama dan kepercayaan kepada aspek spiritual.

Einstein contohnya mempunyai perasaan agama yang tinggi. Dalam tulisannya beliau menyatakan “ *Religious feeling and belief in a great secret in Creation, is a key concept in great scientific research*” yang bermaksud “ Agama dan percaya kepada rahsia di sebalik kejadian sesuatu merupakan kunci kepada kajian sains”. Schwartz, seorang ahli Matematik Perancis yang terkenal menyatakan, “*Physics in the 19th century believed that it could be explained all issues of life, even poetry, and today physics believes that it cannot even come to know what material is*” yang bermaksud “ilmu Fizik dalam abad ke 19 percaya bahawa ia mampu menjelaskan semua isu termasuk puisi, tetapi ilmu fizik hari ini percaya ia tidak mampu mengetahui apa itu material sekalipun”. Gurvitch mempersoalkan “*Why has science in the 20th century become so humble and why the pride of the 16th, 17th, 18th and 19th centuries been broken?*” yang bermaksud “Mengapa sains pada abad ke 20 menjadi begitu rendah dan keagungannya pada abad ke 16, 17, 18 dan 19 telah hilang? Pertanyaan ini dijawab oleh Ali Shariati dengan menyatakan bahawa ini adalah kerana era baru sedang bermula di seluruh dunia.⁴⁰

Oleh itu menurut Ali Shariati, agama yang lebih rendah daripada sains adalah lebih rendah daripada orang yang terpelajar, manakala agama yang lebih tinggi daripada

sains adalah agama yang dipegang oleh golongan genius atau bijak pandai dunia hari ini. Sebab itulah didapati banyak ayat di dalam al-Quran terdapat dalam terjemahan atau tulisan Max Plank, Einstein dan Alexis Carrel. Tiga abad sebelum zaman mereka, masyarakat dipaksa mengeneipkan agama, namun mereka muncul untuk mengembalikan semula agama kepada masyarakat. Dan sudah pasti idea mereka akan diterima dan dipraktikkan pada masa akan datang dan zaman pemujaan sains akan berakhir.⁴¹

2.5 Sejarah pertentangan dalam tamadun manusia

Menurut Huntington , konflik atau pertentangan dalam tamadun berlaku pada dua tahap. Pada tahap mikro, kelompok yang bersempadan dengan garis konflik antara tamadun, kerana berjuang bermati-matian untuk mendapat penguasaan wilayah dan menakluki satu sama lain. Pada tahap makro, negara dari berlainan tamadun, bersaing secara relatifnya untuk kuasa ketenteraan dan ekonomi, berjuang untuk menguasai institusi antarabangsa dan untuk mendapat sokongan pihak ketiga serta bersaing untuk menyebarkan nilai politik dan agama masing-masing.⁴²

Beliau menyenaraikan enam sebab berlakunya pertentangan dalam tamadun.⁴³ Pertama, perbezaan di antara tamadun disebabkan perbezaan sejarah, bahasa, budaya, tradisi dan agama. Mereka mempunyai pandangan yang berlainan tentang hubungan dengan tuhan dan manusia, antara individu dan kelompok, antara warganegara dan negara, berbeza pandangan tentang hak dan tanggungjawab, kebebasan dan kuasa,

persamaan hak dan hirarki dan lain-lain. Perbezaan ini imbul melalui proses yang lama dan telah melahirkan konflik yang berpanjangan dan kejam.

Kedua, dunia ini semakin mengecil dan interaksi antara manusia daripada berlainan tamadun semakin bertambah. Peningkatan dalam interaksi ini memperdalamkan kesedaran terhadap perbezaan antara tamadun lalu ia melahirkan permusuhan yang berpanjangan. Contohnya, perpindahan orang Afrika Utara ke Perancis melahirkan permusuhan di kalangan orang Perancis.

Ketiga, proses pemodenan ekonomi dan perubahan sosial di seluruh dunia memisahkan orang daripada identiti tempatan yang telah berakar umbi. Proses itu juga melemahkan negara bangsa sebagai identiti.

Keempat, kesedaran tamadun akan semakin meningkat dan dipercepatkan oleh dwi-peranan Barat. Sebuah dunia Barat yang kini berada di puncak kekuasaannya, berhadapan dengan dunia bukan Barat yang semakin berupaya membentuk keinginan, keazaman dan kekuatan sendiri untuk melahirkan dunia dalam acuan bukan Barat.

Kelima, ciri dan perbezaan kebudayaan agak sukar diubahsuai dan oleh itu sukar dikompromikan dan disesuaikan berbanding dengan ciri-ciri ekonomi dan politik. Seseorang itu mungkin boleh dianggap separuh Perancis dan separuh Arab dan seterusnya menjadi warga dua negara, tetapi tidak mungkin boleh menjadi separuh katolik dan separuh Islam.

Keenam, kerentanan ekonomi semakin meningkat dan ini akan memperkuat kesadaran tamadun. Amerika dan Jepun sebanding menghadapi kesukaran dalam mewujudkan entiti ekonomi di Asia Timur. Sedangkan budaya yang sama jelas memberikan ruang untuk penguasaan hubungan ekonomi yang pantas seperti antara China, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan masyarakat Cina seberang laut di negara-negara Asia. Budaya dan agama juga membentuk tapak organisasi kerjasama ekonomi yang menyatukan sepuluh negara Islam bukan Arab iaitu Iran, Pakistan, Turki, Azerbaijan, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Turkmenistan, Tadjikistan, Uzbekistan dan Afghanistan.

Karl Marx pula di dalam bukunya "*The Manifesto of Communist party – 1843*" telah menyatakan "*the history of all hitherto existing society is the story of class struggle. Freeman and slave, Partrician and Plebeian, lord and serf, guild-master and journeyman, in a word, oppressor and oppressed, stood in constant opposition to one another, carried on an interrupted*".⁴⁴

Dalam hal tersebut, Suhelmi dalam bukunya "Pemikiran politik Barat" telah menerangkan dengan sebaik mungkin pemikiran Marx ini. Pertamanya, gagasan pusat yang terdapat di sebalik kenyataan Marx ialah, fakta sejarah umat manusia diwarnai oleh perjuangan atau pertarungan antara kelompok manusia. Dan dalam bentuk yang jelas perjuangan itu adalah perjuangan kelas (*class struggle*). Perjuangan kelas ini pula,

menurut Marx bersifat tetap dan merupakan sebahagian “inherent” dalam kehidupan sosial. Perjuangan ini juga terjadi sejak kemunculan kelas sosial dalam masyarakat kuno.

Keduanya, pernyataan tersebut juga mengandung proposisi bahawa dalam perkembangan masyarakat selalu terdapat polarisasi, contohnya satu kelas hanya ada pertentangan dengan kelas yang lainnya dan kelas yang saling bertentangan itu adalah kelas penindas (*oppressor*) dan kelas penindas (*oppressed people*). Marx kemudiannya menyatakan dalam proses perkembangan masyarakat, masyarakat akan mengalami perpecahan dan kemudian membentuk kelas yang saling bertentangan iaitu kelas borjuis, kapitalis, dan kelas proletariat secara paksaan dan melakukan perubahan struktur sosial secara revolusioner.⁴⁵

Apa yang diharapkan oleh Marx ialah kelas pekerja ini menjadi kelas pengusaha apabila berjaya merebut kekuasaan dan kaum borjuis kapitalis memusatkan aktiviti-aktiviti pengeluaran di tangan kelas pekerja, melalui perjuangan kaum pekerja menentang kaum kapitalis bermakna wujudlah masyarakat tanpa kelas (*driving force of history*). Oleh itu revolusi yang dimaksudkan oleh Marx bukanlah revolusi damai tetapi sebaliknya. Kekerasan menjadi keutamaan dalam merebut kekuasaan seperti Revolusi Inggeris abad ke XIII. Marx selalu menekankan konsep ini, kata Marx dalam “*The Capital*” yang bermaksud, “Tidak ada kemajuan kerana ia merupakan hukum yang selalu menyertai tamadun sejak dulu hingga sekarang”. Marx begitu yakin dengan konflik-konflik antara kelas yang berlaku akan membawa perubahan struktur kepada, masyarakat.

Malah setiap kelas yang berkonflik itu juga akan menunjukkan hubungan yang dialektis dalam pengertian Hegel dan akhirnya membentuk kelas tesis , antitesis dan sintesis.⁴⁶

Ramai yang menganggap Ali Shariati terpengaruh dengan teori pertentangan kelas Karl Marx, tetapi bagi penulis, teori pertentangan kelas Ali Shariati berbeza dengan teori pertentangan kelas Karl Marx disebabkan kefahaman Islamnya. Bagi Ali Shariati, manusia telah tercipta dari adunan tanah dan roh suci dan dari sinilah bermulanya kisah Adam yang dilihat dari segi hakikat dan makna falsafah kemanusiaan itu sendiri. Ia bermula dengan pergolakan antara roh dan tanah, pertentangan Iblis terhadap Tuhan, yang kesemua itu berlaku dalam jiwa Adam. Manakala, titik permulaan sejarah pula adalah dari pergolakan antara Habil dan Qabil.⁴⁷

Siti Hawa iaitu isteri Nabi Adam a.s. telah melahirkan dua pasang anak kembar. Pertama, lahirnya pasangan Qabil dan adik permpuannya yang diberi nama "Iqlima". Kemudian, menyusul pula pasangan kembar kedua iaitu Habil dan adik perempuannya yang diberi nama "Labuda".⁴⁸

Habil dan Qabil ialah anak Nabi Adam, tetapi mereka berbalah, bertempur dan berperang malahan berbunuhan antara satu sama lain. Dari sinilah bermulanya sejarah manusia dan pertentangan dalam tamadun manusia. Dalam jiwa Adam terdapat dua peperangan, di dalam dirinya dan di luar dirinya. Di dalam dirinya ialah peperangan subjektif sebagaimana yang sering berlaku dalam bangsa-bangsa manusia di dunia ini. Manakala di luar dirinya pula, berlaku peperangan yang objektif sebagaimana yang

berlaku di antara anak-anaknya itu. Dari peristiwa inilah, kita anggap bahawa kisah Habil dan Qabil sebagai sumber kepada falsafah sejarah sebagaimana kita menganggap Nabi Adam sebagai sumber kepada falsafah kemanusiaan. Peperangan antara Habil dan Qabil adalah peperangan antara dua pihak bertentangan yang sentiasa berlaku di sepanjang liku-liku perjalanan sejarah dalam dialektik sejarah.

Sejarah berkembang dari proses dialektik iaitu pertentangan antara dua pihak dan pertentangan ini berpunca dari peristiwa Habil dibunuh oleh Qabil. Habil dalam kisah ini mewakili zaman sistem ekonomi sara diri; jenis kegiatan masyarakat yang diwakilinya adalah berburu dan menangkap ikan. Mereka bergantung kepada alam semula jadi untuk terus hidup. Bagi mereka, alam semula jadi adalah hak mereka bersama, bukannya milik seseorang atau golongan tertentu. Manakala Qabil pula mewakili sistem masyarakat pertanian, di mana orang hidup dengan mengerjakan tanah milik mereka ataupun milik orang lain; ertinya di zaman pertanian ini, alam semula jadi telah diagihkan untuk menjadi milik individu atau golongan tertentu.⁴⁹

Selepas peristiwa pembunuhan ini, bermulalah peperangan yang sudah tidak dapat dielakkan lagi. Peperangan ini tidak mungkin reda dan akibatnya, seluruh sejarah telah bertukar wajah menjadi gelanggang pertempuran antara puak Qabil si pembunuh dan puak Habil yang menjadi mangsanya. Habil si pemburu dibunuh oleh Qabil si tuan tanah. Berakhirlah satu zaman di mana masyarakatnya memiliki dan menikmati bersama alam semula jadi dan semua punca pengeluaran. Berakhirlah juga semangat persaudaraan yang selama ini dipupuk melalui keikhlasan dan kejujuran, diteguhkan oleh keimanan yang

murni. Kesemua ini diganti dengan zaman pertanian yang mengizinkan kemunculan tuan-tuan tanah yang tamak haloba serta membawa kuku dan taring besi yang digunakan untuk menindas dan menipu daya mangsa-mangsa mereka. Merekalah yang menjadikan agama sebagai alat untuk mempertahankan setiap perbuatan mereka.

Di peringkat ini dalam sejarah, teori masyarakat Marx telah menjadi songsang kerana bukannya kekayaan yang melahirkan kekuasaan, sebaliknya kekuasaanlah yang melahirkan kekayaan. Dengan kekuasaan dan kekerasan, harta kekayaan dapat dipertahankan. Manakala undang-undang dan peraturan baru dicipta untuk menghalalkan perbuatan tersebut.⁵⁰

Terdapat perbezaan pada dua jenis manusia ini. Habil merupakan manusia beriman, cinta kedamaian dan rela berkorban. Manakala Qabil merupakan penyembah hawa nafsu, pengkhianat dan penghasad dengki. Jika digunakan analisa psikologi yang dilandaskan kepada penelitian sosiologi dan saintifik terhadap alam sekitar, pekerjaan dan darjat masyarakat masa itu, kita dapati bahawa kedua-dua mereka berasal dari satu keluarga, satu bangsa dan satu agama. Dari itu, soal faktor suasana alam sekitar yang mempengaruhi kehidupan mereka hingga mereka menjadi begitu berbeza tidak timbul. Dalam hal ini, kita dapati bahawa Habil dan Qabil boleh dikatakan serupa dari semua segi, yang berbeza hanyalah jenis pekerjaan mereka. Oleh itu, pekerjaanlah yang menjadi faktor utama dalam perbezaan itu. Jenis pekerjaanlah yang menempatkan kedua orang adik-beradik itu ke dalam kedudukan ekonomi dan sosial yang berbeza. Dalam erti kata

lain, apabila jenis pekerjaan berbeza, maka berbeza pula juga sistem ekonomi dan struktur pengeluaran mereka.⁵¹

Teori ini menunjukkan Habil yang masyarakatnya hidup berburu dan menangkap ikan, mempunyai psikologi kelas dan tingkah laku sosial masyarakat sosialis kuno. Ini berbeza dengan masyarakat bertani Qabil yang mengandungi psikologi tuan dan hamba serta sifat-sifat kelas lain dalam kehidupan masyarakat berkelas. Ramai tokoh-tokoh agama sekadar mengutuk peristiwa pembunuhan itu. Namun bagi Shariati, peristiwa yang begitu penting mengandungi pengertian yang jauh lebih luas di mana pembunuhan Habil oleh Qabil merupakan suatu perkembangan besar yang menjadi kejutan kepada perjalanan sejarah kehidupan manusia. Jika berpandukan tafsiran saintik atau sosiologi serta merujuk kepada soal kelas masyarakat, kisah ini mencerminkan berakhirnya zaman kehidupan berkelompok primitif. Berakhirnya zaman ini bererti lenyaplah sistem kehidupan asal manusia, yang menitik-beratkan soal persamaan dan persaudaraan.

Matinya Habil dan hidupnya Qabil adalah kenyataan sejarah yang tidak mungkin dapat diubah lagi. Habil mati tanpa meninggalkan zuriat, ini mengizinkan zuriat Qabil untuk terus hidup, berkuasa dan mencorakkan segala-galanya. Apabila masyarakat, kerajaan, ekonomi dan agama telah dikuasai oleh Qabil, maka pandangan dan perbuatan Qabil mulai diterima sebagai nilai sejagat masyarakat di zaman selepas itu. Inilah peristiwa yang menjadi punca kepada keadaan tidak seimbang dan tidak stabil yang berlaku dalam pandangan dan nilai kehidupan manusia kini. Perbualan yang tercatat saat Qabil mengutuk untuk membunuhnya, Habil hanya menjawab dengan lembut,

“Renungkanlah kata-kata ku ini wahai saudaraku, buanglah niat jahatmu yang telah dibisikkan kepadamu oleh iblis itu, musuh yang telah menyebabkan turunnya ayah dan ibu dari syurga, dan ketahuilah bahawa jika engkau tetap berkeras kepala hendak membunuhku, tidaklah aku akan mengangkat tanganku untuk membalasmu, kerana aku takut kepada Allah dan tidak akan melakukan sesuatu yang tidak diredhaiNya. Aku hanya berserah diri kepadaNya dan kepada apa yang ditakdirkan bagi diriku”.⁵² Ini bermakna masyarakat dan sistem Habil dengan mudahnya ditewaskan oleh masyarakat dan sistem Qabil tanpa sebarang tentangan.⁵³

Shariati menganggap tafsirannya mengenai peristiwa Habil dan Qabil selari dengan pandangan saintifik mengenai kehidupan, masyarakat dan sejarah yang kesemuanya dilandaskan kepada soal pertentangan. Pandangan ini berbeza dengan pandangan golongan idealis, yang menganggap faktor asas yang menjadi penggerak kepada ketiga-tiga faktor tersebut ialah ekonomi dan seks.

Menurut Shariati lagi, dalam meneliti kisah ini, beliau teringat juga sama ada perlu mengambil kira faktor seksual sebagai punca kepada masalah sebagaimana yang didakwa oleh Freud iaitu seks adalah punca segala-galanya. Jika dilihat punca awal pertelingkahan ini, mungkin ada kebenarannya pendapat tersebut kerana peristiwa ini bermula apabila Qabil terpicik dan ingin merebut tunang Habil. Jika setakat ini sahaja kisahnya, pendapat Freud adalah benar. Namun, persoalannya ialah kenapa Qabil sahaja yang bersifat demikian. Mereka sepatutnya menunjukkan kesungguhan dan ketegasan yang hampir sama dalam mempertahankan kemahuan mereka. Sebaliknya, apa yang

berlaku berlainan. Hinggalah di saat Qabil mengugut untuk membunuhnya, Habil berkata, “wahai saudaraku, ambillah dia, kita tidak seharusnya berbalah kerana seorang perempuan...” . Jika apa yang dikatakan Freud itu benar, Qabil sepatutnya menyerahkan unta sihat berbulu merah sebagai korbanya, bukannya Habil. Dan jika benar dakwaan Feud, Qabil akan berlari membakar seluruh tanaman di ladangnya sebaik sahaja mendengar cadangan ayahnya untuk menjodohkan gadis idamannya iaitu Iqlima kepada Habil. Sebaliknya, apa yang berlaku ialah untuk memenuhi kehendak Tuhan dan memenangi hati gadis yang kononnya sangat dicintainya itu, Qabil hanya mempersendakan Tuhannya dengan menyerahkan segenggam jagung yang tua dan buruk.⁵⁴ Ini telah disebut di dalam al-Quran surah Al-Maidah, ayat 27 yang bermaksud, “Ceritakanlah kepada mereka kisah putera Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya, ketika keduanya mempersembahkan qurban, maka diterima dari salah seorang dari mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain. Ia (Qabil) berkata, aku pasti membunuhmu. Berkata Habil, sesungguhnya Allah hanya menerima (qurban) orang-orang yang bertaqwa”.⁵⁵

Shariati menyelami kisah ini dengan begitu mendalam kerana pertamanya untuk menafikan tanggapan umum selama ini yang menganggap kisah ini hanya sekadar memberi pengajaran moral. Keduanya untuk menjelaskan pertelagahan yang berlaku itu bukan sekadar perbalahan antara dua adik-beradik kerana merebut seorang gadis, tetapi ia mewakili satu pertentangan yang berterusan antara dua pihak dalam masyarakat manusia, antara dua sistem dan jenis pengeluaran.⁵⁶

Pihak yang diwakili Habil ialah golongan yang tertindas, iaitu golongan manusia yang sepanjang sejarahnya dianiyai dan diperhambakan oleh sistem Qabil. Peperangan antara Habil dan Qabil ialah peperangan yang tidak berkesudahan, yang dilanjutkan oleh setiap generasi manusia. Panji-panji Qabil terus dikibarkan oleh golongan pemerintah. Manakala tumpahan darah yang mengalir dari tubuh Habil akan sentiasa dituntut oleh keturunannya, iaitu mereka yang terdiri daripada para pejuang keadilan, pendamaian dan kebenaran menerusi perjuangan berterusan tanpa mengenal penat lelah, tanpa rasa gentar dan takut dalam setiap detik dan zaman. Senjata yang digunakan Qabil ialah agama, manakala senjata yang digunakan Habil juga agama iaitu pertentangan antara agama Tawhid dan agama syirik. Pertentangan dialektik ini akan diakhiri dengan revolusi yang tidak dapat dielakkan. Sistem Qabil akan berakhir apabila keadilan, persamaan dan kebenaran mencapai kebenaran sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Qashah, ayat 5, “Dan Kami hendak memberi kurnia kepada orang-orang yang tertindas di bumi itu dan hendak menjadikan mereka pemimpin dan menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (bumi).”⁵⁷

Oleh itu, Shariati menegaskan bahawa adalah menjadi kewajipan setiap individu pada setiap zaman untuk menentukan sikap dan pendiriannya terhadap pertentangan antara kedua belah pihak ini, bukannya sekadar tinggal menjadi penonton semata-mata. Ini adalah kerana kebebasan individu dan tanggungjawab kemanusiaan boleh menentukan sejarah.

NOTA Hujung

- ¹ *Kamus Dewan*, DBP, Kuala Lumpur, 1998, hlm 1355.
- ² *Ibid.*
- ³ Abdul Raoh Yaacob, *Lembaran Sejarah dan Tamadun Islam*, DBP, Kuala Lumpur, 1994, hlm 47.
- ⁴ *Longman Dictionary of Contemporary English*, (Edisi Kedua) Ed (Essex), Longman Dictionary, 1987, hlm 140.
- ⁵ Mustafa Hj. Daud, *Tamadun Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1999, hlm 5.
- ⁶ Rasid Muhamad, *Matra Tamadun Islam*, ABIM, Kuala Lumpur, 1996, hlm 4.
- ⁷ Ahmad Syafii Maarif, *Ibn Khaldun Dalam Pandangan Penulis Barat dan Timur*, Gema Insani Press, Jakarta, 1996, hlm 28.
- ⁸ Ismail Bakar, *Sejarah Tamadun Islam*, UKM, Bangi, 1999, hlm 14-15.
- ⁹ Mustafa Hj. Daud, *op.cit.*, hlm 5.
- ¹⁰ Rasid Muhammad, *op.cit.*, hlm 5.
- ¹¹ M.A.J. Beg *Islam and Civilization*, Kazi Publication, Kuala Lumpur, 1985, hlm 21.
- ¹² Abdul Rahman Nawas, *Tamadun Islam*, Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur, 1995, hlm 4.
- ¹³ *Ibid.*
- ¹⁴ *Ibid.*
- ¹⁵ *Ibid.*
- ¹⁶ Mustafa Hj. Daud, *op.cit.*
- ¹⁷ *Op.cit.*
- ¹⁸ M.A.J. Beg, *Islamic and Western Concepts of Civilization*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm 17.
- ¹⁹ Kamaruddin Salleh (ed), *Pemikiran Ibn Khaldun*, UKM, Bangi, 1996, hlm 67.
- ²⁰ M.A.J. Beg, *Islam and Civilization*, *op.cit.*, hlm 31.
- ²¹ *Ibid.*
- ²² *Ibid.*
- ²³ Muhammad Khatami, *Membangun Dialog Antarperadaban*, Pustaka Mizan, Bandung, 1998, hlm 65.
- ²⁴ M.A.J. Beg, *Islam and Western Concepts of Civilization*, *op.cit.*, hlm 21.
- ²⁵ *Ibid.*, hlm 67.
- ²⁶ *Ibid.*, hlm 68.
- ²⁷ *Ibid.*
- ²⁸ Ali Shariati, *Ideologi Kaum Intelektual: Wawasan Islam*, Pengantar oleh Jalaluddin Rahmat, Penerbit Mizan, Bandung, Indonesia, 1988, hlm 31-32.
- ²⁹ *Ibid.*, hlm 32-33.
- ³⁰ *Ibid.*, hlm 33-34.
- ³¹ *Ibid.*, hlm 35-45.
- ³² Sebuah masjid yang terkenal di Isfahan , dibina pada 1578 M.
- ³³ Ali Shariati, *Ideologi Kaum Intelektual: Wawasan Islam*, *op.cit.*, hlm 45-55.
- ³⁴ Ahmad Shabery Cheek, *Warisan Shariati*, Ikraq, Kuala Lumpur, 1987, hlm 62-64.
- ³⁵ Salah seorang sarjana yang terkenal di Perancis.
- ³⁶ Ali Shariati, *A Glance At Tomorrow's History*, Part I, <http://www.shariati.com/tomorrow/tomorrow1.html>, hlm 1.
- ³⁷ Ali Shariati, *Tugas Cendekiawan Muslim*, Penerjemah & Pengantar oleh Dr. Amien Rais, Penerbit CV. Rajawali, Indonesia , 1984 dan Thinker's Library Sdn. Bhd., Malaysia, 1987, hlm 119-120.
- ³⁸ Ali Shariati, *Ideologi Kaum Intelektual: Wawasan Islam*, *op.cit.*, hlm 121-127.
- ³⁹ Ali Shariati, *A Glance At Tomorrow's History*, *op.cit.*, hlm 3-5.
- ⁴⁰ Ali Shariati, *A Glance at Tomorrow's History*, Part II, <http://www.Shariati.com/tomorrow/tomorrow2.html>, hlm 1-4.
- ⁴¹ *Ibid.*, hlm 5.
- ⁴² Samuel p. Huntington, *Pertembungan Peradaban*, ISIS, Malaysia, 1992, hlm 8.
- ⁴³ *Ibid.*, hlm 3-8.
- ⁴⁴ Ahmad Suhelmi, *Pemikiran Politik Barat*, Darul Falah, Kuala Lumpur, 1999, hlm 210.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm 210-225.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Ahmad Shabery Cheek, *op.cit.*, hlm 48.

⁴⁸ H.Salim Bahreisy, *Sejarah Hidup Nabi (Qashashul Anbiya ')*, PT Bina Ilmu, Surabaya, 1980, hlm 14.

⁴⁹ *Op.cit.*, hlm 48-61.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ *Ibid.*

⁵² H.Salim Bahreisy, *op.cit.*, hlm 18.

⁵³ Ahmad Shabery Cheek, *op.cit.*, hlm 48-61.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Hj. Zainuddin Hamidy Fachruddin Hs, *Tafsir Quran*, Klang book Centre, 1997,hlm 154.

⁵⁶ *Op.cit.*

⁵⁷ *Op.cit.*, hlm 560.